

## **BAHAGIAN PELESENAN**

### **SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN RUMAH TUMPANGAN / PENGINAPAN / HOTEL**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>
1.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna dan mencukupi seperti bilik tidur, bilik tandas, tempat dapur, dewan makan / minum,tempat sambutan (reception) bilik menunggu, stor dan tempat letak kereta.
2.	Setiap bilik tidur hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya katil, bilik tandas, tempat mandi, besen / sinki cuci tangan, tong sampah, almari dan kerusi meja.
3.	Menyimpan buku pendaftaran penyewa / pengguna.
4.	Premis hendaklah mempunyai system bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan system pembentungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
5.	Mempamerkan papan tanda "Larangan Merokok" (ukuran 40smX50sm), "Utamakan Keselamatan", "Menjaga Kebersihan" dan "Menggunakan Alat Pelindungan" yang sempurna dan mencukupi.
6.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja.
7.	Mengadakan bilik rawatan / rehat pekerja yang sempurna di dalam premis.
8.	Sampah sarap hendaklah dibuangkan setiap hari oleh kontraktor yang dilesenkan oleh MDKS.
9.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti besen dan sinki yang sempurna dan mencukupi.
10.	Semua ruang bilik dan lain-lain tempat dipremis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
11.	Mengadakan cerobong "chimnay" dan kipas "exhaust" di dapur dan lain-lain tempat memasak dipremis.
12.	Semua pengendali makanan hendaklah diperiksa perubatan dan layak mengendali makanan.
13.	Dapur hendaklah mempunyai perparitan dan perangkap minyak / lemak yang sempurna.
14.	Sentiasa menjaga kebersihan dan hygiene pekerja-pekerja serta premis dan persekitarannya yang hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia.
15.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
16.	Semua barang makanan / minuman (termasuk alat memasak dan hidangan) tidak boleh diletak diatas lantai dan perlu disimpan di tempat yang sempurna.
17.	Semua tempat / ruang menyimpan, menyedia, memasak, menghidang makanan / minuman serta bilik tandas, tempat mencuci pinggan mangkuk, besen,sinki, pusat tong sampah dan mana-mana tempat yang basah hendaklah disudahi bahan kalis air dan senang dicuci seperti ubin, kaca, keluli, marmar dan bahan yang sama jenisnya.
18.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
19.	Memberi nama syarikat kutipan sampah yang dilesenkan oleh MDKS

Bil.	Perkara
20.	Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam dan menggunakan alat perlindungan yang sempurna / lengkap / bersih.
21.	Menyediakan "locker" untuk setiap pekerja.
22.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
23.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
24.	Premis hendaklah mempunyai sistem perparitan yang sempurna dan kuat seperti "glazed inverts", keluli atau bahan yang sama jenisnya dengan cerunan gradient yang baik dan boleh dibersihkan dengan sendirinya (self-cleansing).